

SOALAN NO: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA , PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan keadaan dengan cadangan pindaan Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) Skim Daftaran Pajak Swasta di mana pembeli rumah tiada pemilikan hartanah tapi hanya menjadi penyewa pajakan tempoh panjang.

SOALAN NO: 1

JAWAPAN

Tuan yang di- Pertua,

Kanun Tanah Negara telah diperkenalkan hasil daripada amalan semasa di Tanah Melayu dan penyeragaman undang-undang tanah sedia ada. Seksyen 76 Kanun Tanah Negara menyatakan pemilikan tanah hanya dikeluarkan melalui pemberimilikan kekal selama-lamanya ataupun pajakan bertempoh. Keputusan untuk memberi pajakan bertempoh hanya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sahaja tidak melebihi 99 tahun.

Adalah dimaklumkan bahawa, setelah dibuat perundingan di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia Bilangan 2/2018 yang telah diadakan pada 23 Oktober 2018, telah diputuskan bahawa cadangan *Private Lease Scheme* tidak diteruskan memandangkan pengeluaran hakmilik adalah kuasa eksklusif Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.